

# Tasik Kenyir diserbu

*Operasi cegah aktiviti  
tanpa izin di Tasik  
Kenyir berjaya  
rampas pukat tangsi  
dan bubu*

NOOR HAYATI MAMAT

KUALA BERANG

**R**ondaan Khas Penguatkuasaan (Operasi Bersepadu) Tasik Kenyir dijalankan selama dua hari berakhir kelmarin, berjaya merampas 25 bidang pukat tangsi serta enam unit bubu.

Operasi tersebut disertai Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu, Polis Gerakan Marin Wilayah 3 serta Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, seramai 27 anggota terlibat dalam operasi yang bermula jam 10 pagi pada 26 September lalu dan berakhir 5 petang kelmarin.

"Kawasan operasi kali ini dijalankan melebihi 10 lokasi. Antaranya ialah di Santuari Kelah Sungai Petang, laluan Santuari Kelah Sungai Petang ke Air Terjun Lasir, Sungai Como, Sungai Leban Terengganu, Sungai



Rondaan Khas Penguatkuasaan (Operasi Bersepadu) Tasik Kenyir turut melibatkan pengangkutan air termasuk rumah bot.

Kiang, Sungai Tekak dan Sungai Tembat.

"Pengangkutan air digunakan ialah lima buah bot iaitu empat unit bot Kelah Ketengah dan seunit Bot Cemerlang (PAC 804), PDRM Gerakan Marin Wilayah 3 Tasik Kenyir. Manakala kenderaan darat melibatkan satu unit lori Jabatan Perikanan.

"Barangan berjaya dirampas dalam operasi ini adalah pukat tangsi sebanyak 25 bidang serta bubu enam unit. Barangan rampasan pukat dan bubu kesemuanya diserahkan kepada Jabatan Perikanan," katanya.

Tambah beliau, rondaan khas itu bertujuan sebagai pemantauan

keselamatan dan juga bagi mencegah aktiviti tanpa izin di destinasi pelancongan Tasik Kenyir itu.

Katanya, rondaan lebih tertumpu kepada aspek kawalan keselamatan meliputi kawasan tarikan, pengoperasian pengangkutan air, penginapan di atas air dan juga pencegahan aktiviti tanpa izin melibatkan kesalahan-kesalahan penangkapan ikan dan sumber di Tasik Kenyir.

"Rondaan bersepadu sebegini perlu dijalankan lebih kerap bagi memudahkan pemantauan keselamatan dan mencegah aktiviti tanpa izin di Tasik Kenyir," ujarnya.